

UMS meterai MoU dengan Yanmar Kota Kinabalu R&D Center

UB 25.5.2016 A26

Oleh YAP SIONG HAN

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) adakan Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Yanmar Kota Kinabalu R&D Center dalam usaha meningkatkan lagi keupayaan penyelidikan dalam kejuruteraan bioproses dan bioteknologi.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, satu projek telah dimulakan pada 2015 khususnya dalam mengurangkan masalah persekitaran.

“Satu pasukan penyelidikan telah diwujudkan di fakulti kejuruteraan dan para penyelidik berjaya menghasilkan beberapa siri eksperimen.

“Pasukan ini juga telah menyimpan paten inovasi yang dihasilkan, tetapi ini

hanya permulaan daripada projek yang diusahakan itu memandangkan data penting tidak dapat diperolehi daripada makmal yang sedia ada.

“Oleh itu, MoU yang diadakan dengan Yanmar ini akan memberikan satu sokongan dan kerjasama ke arah kejayaan itu,” katanya ketika dalam majlis MoU itu kelmarin.

Beliau berkata, kejayaan projek itu akan membuka ruang kepada kewujudan teknologi biodiesel pintar yang mana rekaan itu akan dilengkapi dengan sistem automatik yang turut bertindak sebagai kemampanan teknologi dan tidak menjejaskan persekitaran.

Katanya, penciptaan teknologi sedemikian akan memberikan nilai dan faedah kepada masyar-



HARUN (dua kiri) bertukar dokumen MoU dengan Takashi ketika dimajlis itu.

akat kerana ia juga boleh menyelamatkan nyawa

manusia.
“Keupayaan untuk

menyelesaikan permasalahan yang wujud di samping

menjana pengetahuan yang baru adalah penting untuk

memenuhi permintaan pasaran dunia kini yang semakin bergerak ke arah era pengetahuan.

“Bidang kemajuan teknologi dan sains bioproses, inovasi dan penyelidikan strategik adalah penting bagi UMS dalam misinya bagi menggalakkan dan menerajui pembangunan modal insan dalam negara ini,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Yanmar Kota Kinabalu R&D Center Takashi Saeki berkata, sesetengah pelajar kejuruteraan yang berjaya dalam penyelidikan berkaitan akan diambil bekerja di syarikat Jepun itu.

“Saya juga berharap lebih banyak kerjasama dalam penyelidikan dapat dilaksanakan dengan UMS di masa hadapan,” katanya.